

5 MAR 1996

Umno-ulangtahun

UMNO TUMPU MASA DEPAN DALAM SAMBUTAN SETENGAH ABAD

KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- Umno akan memberi tumpuan kepada masa depannya sempena sambutan ulangtahun ke-50 parti bermula Mei ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Menurutnya, satu konvensyen bertemakan "Umno Di Abad Ke-21" akan diadakan pada 11 Mei -- tarikh penubuhan Umno.

Walaupun perbincangan dalam konvensyen itu akan hanya disertai oleh Umno, Perdana Menteri berkata parti-parti komponen dan bukan komponen Barisan Nasional

(BN) turut dijemput untuk upacara pembukaannya yang akan beliau rasmikan.

Tetamu-tetamu dari luar negara yang mempunyai perhubungan dengan Umno juga akan dijemput untuk majlis perasmian konvensyen itu, katanya pada persidangan akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini.

Sambutan ulangtahun ke-50 Umno itu ialah antara agenda utama mesyuarat MT itu yang merupakan mesyuarat bulanan biasa.

"Kita akan jemput semua parti politik sama ada kawan atau lawan untuk pembukaan konvensyen Umno," katanya.

Selain konvensyen, acara-acara lain ialah majlis tahlil, larian membawa bendera parti serta perhimpunan di Dataran Merdeka pada malam 10 Mei.

Perayaan itu yang akan berjalan sehingga Ogos juga mempunyai acara seperti expo dan anugerah untuk anggota veteran parti.

"Kita "spread out" (susun) acara-acara sambutan sehingga Ogos supaya tidak tertumpu kepada 11 Mei sahaja," katanya.

Beliau berkata anggota-anggota Umno diminta menaikkan bendera parti mulai 1 Mei bagi merayakan sambutan itu.

Ketika ditanya kempen pemilihan untuk jawatan Majlis Tertinggi yang dikatakan sudahpun berjalan, Dr Mahathir, secara berseloroh, berkata: "Dah berjalan tak apa, jangan dia lari sudahlah". -- BERNAMA

AZZ NAK AHH